

03/05/2002

Konvensyen cari jalan atasi masalah Melayu Bandar

KUALA LUMPUR, Khamis - Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan akan mengadakan satu konvensyen bagi mendengar dan mencari penyelesaian mengenai masalah masyarakat Melayu Bandar pada 18 Mei ini.

Pengerusinya, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata konvensyen sehari di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang bertemakan Mensejahterakan Melayu Bandar itu akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, konvensyen itu adalah kesinambungan daripada usaha Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan sebelum ini untuk mencari kelemahan dan kekuatan di samping mendapatkan pandangan masyarakat untuk mensejahterakan masyarakat Melayu Bandar.

"Konvensyen ini adalah medan terakhir untuk mendengar dan merumuskan segala suara dari bawah dengan tidak hanya terhad kepada suara ahli parti saja malah ia juga menjemput 12 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Semua NGO dan 11 bahagian Umno Wilayah Persekutuan juga akan diminta menyediakan memorandum untuk diserahkan kepada sekretariat konvensyen bagi tindakan selanjutnya.

"Kami juga akan menubuhkan satu sekretariat tetap di Pejabat Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan untuk meneliti, menilai dan mengadakan perbincangan susulan dengan setiap wakil dalam tempoh setahun ini," katanya di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Selain itu, Tengku Adnan berkata, pihaknya juga akan mengadakan konvensyen Barisan Nasional (BN) pada Julai ini yang menggunakan konsep sama seperti konvensyen pada 18 Mei ini.

Beliau berkata, konvensyen BN yang dijangka dirasmikan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah untuk mendengar segala masalah daripada komponen parti di Wilayah Persekutuan.

(END)